



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 12

14hb Jun 2012

TAMBAHAN
No. 1

No. 2408.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Cadangan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang Jajaran Sungai Buloh-Kajang Selangor.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujukkan kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Negeri Selangor, Persiaran Bukit Raja 1/KU 1, Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor.

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2228

[14hb Jun 2012]

JADUAL

Daerah—Hulu Langat. Bandar—Seksyen 8 dan Seksyen 15 Bandar Kajang.

- (a) Tujuan Pengambilan: Cadangan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang—Jajaran Sungai Buloh—Kajang, Selangor.
(b) Butiran Tanah—

Bil.	Daerah	Bandar	No. PT.
1.	Hulu Langat	Kajang	10 Seksyen 8
2.	Hulu Langat	Kajang	11 Seksyen 15

Bertarikh 5 Jun 2012
[PTG.Sel. 3/JPM/06/146]

KAMARULZAMAN BIN JAMIL
Pengarah Negeri

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA